



**IKLAN JAWATAN KOSONG STAF PENTADBIRAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL & PELAKSANA**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan (**TETAP/KONTRAK**) di Hospital Pengajar UniSZA sepertimana berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL						
1.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	SISTEM MAKLUMAT	TETAP	RM2,315.00	RM9,618.00
KUMPULAN PELAKSANA						
1.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19	KEJURUTERAAN	KONTRAK	RM 1,377.00	RM 4,052.00

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

1. PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (F41)

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
 - (c)
 - (i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan **KHUSUS** akan diberikan kepada calon F41 yang mempunyai bidang, kemahiran dan pengalaman dalam:

- (a) menguruskan *Hospital Information System* (HIS)
- (b) membangun aturcara aplikasi mobile seperti *IONIC / Node.JS / Javascript / Angular / JQuery / TypeScript*
- (c) membangun perisian pangkalan data seperti *MySQL / MariaDB / MongoDB / Postgress.*
- (d) mengurus perisian pelayan web seperti *Apache / Nginx.*
- (e) persekitaran pelayan (*server*) selain *Microsoft Windows* seperti *Linux / FreeBSD.*

KUMPULAN PELAKSANA

1. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK (J19)

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Hanya permohonan yang disenarai/ditapis sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga **(3) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.
- (c) Setiap pemohon **MESTILAH** memuatnaik gambar berukuran pasport dan sijil-sijil akademik yang berkaitan. **Sekiranya calon mempunyai sijil kemahiran yang spesifik, sila isi maklumat tersebut dan muat naik sijil di ruangan kelayakan akademik.**
- (d) Calon diminta untuk mengisi maklumat kerjaya atau pengalaman dengan lengkap termasuk nama jabatan dan tempoh berkhidmat bagi memastikan penilaian dapat dibuat dengan sewajarnya. Kegagalan pemohon berbuat demikian akan menyebabkan **PERMOHONAN TIDAK AKAN DIPROSES.**
- (e) **Pemohon hanya boleh memohon satu jawatan sahaja.**

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*on-line*) melalui laman sesawang UniSZA.
2. Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak urus setia di talian 09-665 5555 dan pegawai untuk dihubungi adalah:

**Encik Mohd Amir bin Mamat
Penolong Pegawai Tadbir
Jabatan Sumber Manusia
Hospital Pengajar UniSZA**

**Puan Nurul Shaheda binti Mohd Rosli
Pembantu Tadbir (P/O)
Jabatan Sumber Manusia
Hospital Pengajar UniSZA**

3. Jika terdapat masalah teknikal semasa pengisian sila hubungi Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian (PPIR) di talian:

- i) **09-668 8848** - **Puan Sharifah Noorfadhila binti Syed Alwi**
- ii) **09-668 8843** - **Encik Mohd Lokman bin Hamid**

4. Tarikh iklan permohonan adalah pada **28 Mac 2023 hingga 1 April 2023.**